

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN M.KULASEGARAN

TARIKH: 11 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berikutan pekerja asing dipecat daripada pekerjaan dan mencari remedi di mahkamah. Adakah pekerja asing ini dijamin oleh Kerajaan supaya mendapat pekerjaan dalam sepanjang tempoh interim sehingga keputusan kes mahkamah diputuskan. Jika tidak, mengapa tidak.

PR-1323-L63952

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi makluman YB Ipoh Barat, pada masa ini Kerajaan memberikan kemudahan Pas Khas (*Special Pass - SP*) secara bulanan bertujuan untuk memberi peluang kepada pekerja asing tersebut memfailkan kes di Mahkamah Buruh ataupun Mahkamah Perusahaan Perindustrian untuk berada di dalam negara ini sehingga kes mereka selesai. Bagaimanapun, pas tersebut tidak membenarkan pekerja tersebut untuk bekerja di negara ini.